

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Dapatan kajian yang telah dilaporkan dalam Bab 4 dibincangkan dan dirumuskan dalam bab ini. Perbincangan dalam bab ini dibahagikan kepada enam bahagian iaitu (1) ringkasan kajian, (2) perbincangan dapatan kajian, (3) kesimpulan dapatan kajian, (4) implikasi dapatan kajian, (5) cadangan kajian lanjutan dan (6) rumusan.

5.2 Ringkasan Kajian

Kecekapan seseorang GBKSR dipengaruhi banyak faktor. Satu daripadanya ialah bentuk penyeliaan yang diterima semasa menjalani praktikum. Penstrukturan proses praktikum dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR merupakan aspek penting bagi memastikan GBKSR mendapat pengetahuan dan kemahiran tinggi. Menyedari hakikat kepentingan tersebut, kajian kes ini telah dijalankan. Ia bertujuan untuk (1) meneroka proses penyeliaan praktikum GBKSR, (2) memahami bentuk-bentuk amalan yang dipraktikkan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR dan (3) memaparkan matriks pola penyeliaan praktikum GBKSR. Pelaksanaan kajian berasaskan model Penyeliaan Pendekatan Bersistem atau *SAS* yang dibangunkan oleh Holloway (1995).

Dapatan kajian amat signifikan dalam membantu pensyarah-penyelia dan pendidik kaunselor memahami bagaimana proses penyeliaan ditadbir seterusnya memahami bentuk-bentuk amalan sesuai yang seharusnya dipraktikkan semasa menyelia praktikum GBKSR. Pemerhatian dan temu bual dijalankan ke atas tujuh orang pensyarah-penyelia praktikum GBKSR dari lima IPG yang berbeza iaitu dua buah IPG di Zon Timur, sebuah di Zon Utara dan dua di Zon Tengah. Data dari sumber pemerhatian dan temu bual dianalisis dengan membuat transkripsi, nota lapangan, reduksi, mengkategorikan dan dipaparkan (Gay & Arasian, 2000). Data dianalisis secara manual menggunakan aplikasi program Nvivo agar ia mudah difahami terhadap setiap proses yang diambil dalam menganalisis data temu bual.

Dapatan kajian menunjukkan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR di IPG telah melaksanakan proses penyeliaan praktikum secara terancang dan sistematik iaitu mengambil kira perkembangan masa dan tahap pembelajaran yang diterima oleh yang diselia. Bagi memastikan proses pembelajaran GBKSR mencapai tahap maksimum, pensyarah-penyelia telah membahagikan proses penyeliaan kepada tiga fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas penyeliaan. Selain itu, pensyarah-penyelia telah memberi fokus yang selaras dengan kehendak dan keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah sebagaimana yang disarankan oleh KPM yang meliputi aspek klinikal, pentadbiran, program dan kemahiran bimbingan di dalam kelas.

Seterusnya pensyarah-penyelia praktikum GBKSR juga mempraktikkan bentuk-bentuk amalan yang pelbagai semasa melaksanakan tugas penyeliaan praktikum. Penentuan bentuk-bentuk amalan dibuat secara profesional berasaskan kesesuaian dengan pengalaman yang dimiliki oleh pensyarah-penyelia dan perkembangan pembelajaran guru pelatih itu

sendiri. Ini menggambarkan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR di IPG mempunyai kredibiliti dan berinisiatif tinggi serta mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mantap dalam menyempurnakan tugas sebagai pensyarah-penyelia praktikum GBKSR. Akhirnya penyelidik memaparkan suatu matriks pernyataan tentang ciri-ciri penyeliaan praktikum GBKSR. Matriks tersebut mengandungi konstruk-construct penting semasa menyelia praktikum GBKSR dan berfungsi sebagai panduan asas dalam mengendali proses penyeliaan praktikum GBKSR dengan harapan usaha untuk melahirkan GBKSR yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi mencapai kejayaan.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Model Penyeliaan Pendekatan Bersistem atau *SAS* yang dibangunkan oleh Holloway (1995) dijadikan asas kepada kajian penyeliaan praktikum GBKSR. Model *SAS* mengemukakan tujuh dimensi penyeliaan iaitu (1) perhubungan penyeliaan, (2) fungsi klien, (3) fungsi pelatih, (4) faktor institusi, (5) faktor penyelia, (6) fungsi penyelia, dan (7) tugas penyelia. Kajian ini memberi fokus terhadap tiga dimensi sebagai asas panduan kajian iaitu (1) perhubungan penyeliaan, (2) tugas penyelia, dan (3) fungsi penyelia. Fokus terhadap tiga dimensi ini adalah selari dengan tujuan kajian yang ingin meneroka proses dan memahami bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR.

Bagi dimensi perhubungan penyeliaan, pensyarah-penyelia praktikum IPG membina dan menjalankan hubungan penyeliaan dengan GBKSR dalam tiga fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas penyeliaan. Dapatan kajian ini menunjukkan persamaan dengan saranan dalam model Holloway (1995) yang menyatakan bahawa perhubungan dalam penyeliaan

kaunseling mempunyai tiga fasa. Fasa-fasa tersebut ialah fasa permulaan, fasa kematangan dan fasa penamatan. Bagi dimensi tugas penyelia, dapatan menunjukkan bahawa pensyarah-penyelia GBKSR telah melaksanakan empat tugas penyeliaan iaitu: (1) penyeliaan klinikal, (2) penyeliaan pentadbiran, (3) penyeliaan program, dan (4) penyeliaan kemahiran bimbingan di dalam kelas. Dapatan kajian dalam dimensi tugas penyelia menunjukkan wujud tambahan tugas penyeliaan berbanding dengan apa yang terkandung dalam dimensi penyelia mengikut model Holloway. Ini kerana Model Holloway hanya memfokuskan penyeliaan kepada penyeliaan klinikal sahaja; sebaliknya dapatan kajian ini menunjukkan fokus penyeliaan praktikum GBKSR bukan sahaja pada aspek klinikal tetapi tiga aspek tambahan iaitu penyeliaan pentadbiran, program dan penyeliaan kemahiran bimbingan di dalam kelas. Justeru penyeliaan aspek pentadbiran, program dan kemahiran bimbingan di dalam kelas merupakan tambahan kepada apa yang disarankan dalam Model Holloway.

Dapatan kajian dalam dimensi tugas penyeliaan klinikal menunjukkan perbezaan dengan apa yang terdapat dalam model Holloway. Model Holloway mencadangkan lima tugas di bawah penyeliaan klinikal iaitu (1) kemahiran kaunseling, (2) konseptual kes, (3) peranan profesional, (4) kecekapan emosi, dan (5) penilaian swadiri. Sebaliknya dapatan kajian ini menunjukkan tujuh tugas di bawah penyeliaan klinikal. Tugas-tugas tersebut ialah (1) membina hubungan, (2) meneroka masalah, (3) mengenal pasti masalah, (4) membuat keputusan, (5) kemahiran refleksi, (6) kemahiran menyoal, dan (7) kemahiran membuat rumusan.

Dapatan kajian menunjukkan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR mempraktikkan enam amalan semasa menjalankan penyeliaan praktikum GBKSR iaitu (1) amalan mendidik, (2) amalan sebagai kaunselor, (3) amalan menilai, (4) amalan berunding, (5) amalan pemodelan dan (6) amalan mengarah. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan lima dimensi fungsi penyeliaan seperti yang terdapat dalam model Holloway iaitu (1) memantau atau penilaian, (2) menasihati atau mengarah, (3) memberi contoh, (4) menjadi konsultan dan (5) menyokong dan berkongsi. Bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai dapatan kajian tersebut, perbincangan seterusnya dibuat berdasarkan perspektif ciri-ciri proses pelaksanaan penyeliaan praktikum GBKSR oleh pensyarah-penyelia di IPG.

5.3.1 Ciri-ciri proses penyeliaan praktikum GBKSR

Tatacara pentadbiran dan penstrukturan penyeliaan praktikum adalah kompleks dan memerlukan satu prosedur yang bukan sahaja terancang dan jelas tetapi mudah difahami oleh yang diselia. Oleh itu pensyarah-penyelia praktikum GBKSR mengatur fasa-fasa penyeliaan yang sistematik agar mudah difahami oleh guru pelatih masing-masing. Ini penting untuk memastikan GBKSR mendapat pengalaman pembelajaran yang bermakna dan selari dengan tahap perkembangan personal dan profesional mereka.

Dapatan kajian menunjukkan pensyarah-penyelia GBKSR di IPG membahagikan proses penyeliaan kepada tiga fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas penyeliaan. Fenomena ini menggambarkan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR memahami tanggungjawab sebenar mereka dalam perhubungan penyeliaan dengan guru pelatih. Ini selari dengan

pandangan Carroll (1996) yang menyatakan bahawa penyeliaan kaunseling bukannya berlaku secara tidak sengaja.

Sebagaimana dijelaskan terdapat tiga fasa dalam penyeliaan praktikum GBKSR iaitu (1) fasa sebelum penyeliaan, (2) fasa semasa penyeliaan dan (3) fasa selepas penyeliaan. Setiap fasa ini mempunyai fungsi dan pengisian aktiviti tersendiri. Dapatan ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Carroll (1996) yang menyenaraikan empat peringkat penyeliaan kaunseling. Peringkat-peringkat tersebut ialah pentaksiran awal dan kontrak penyeliaan kaunseling, penyelenggaraan penyeliaan kaunseling, penilaian ke atas interaksi penyeliaan kaunseling dan penamatan perhubungan penyeliaan kaunseling. Walaupun didapati pensyarah-penyelia praktikum GBKSR membahagikan tiga fasa dalam penyeliaan namun fungsi dan aktiviti yang diamalkan hampir menyamai fungsi dan aktiviti yang terdapat dalam fasa penyeliaan yang dikemukakan oleh Carroll (1996).

Pembahagian fasa-fasa penyeliaan bertujuan untuk memberi arah hala tuju yang jelas dalam proses penyeliaan. Setiap fasa mempunyai fungsi tersendiri yang secara langsung mempengaruhi perkembangan pembelajaran yang diselia. Fasa sebelum penyeliaan mengandungi elemen penstrukturan dan kontrak penyeliaan. Fungsinya adalah untuk memberi gambaran awal tentang aspek yang berkaitan dengan apa, bagaimana, siapa, dan bila penyeliaan dijalankan. Maklumat awal ini penting bagi memastikan GBKSR mempunyai persediaan mental yang cukup sebelum ke tapak praktikum sebenar; ini dapat meminimumkan perkara-perkara negatif yang dialami guru pelatih seterusnya dapat mengurangkan kerungsingan kaunselor pelatih dalam latihan (Costa, 1994). Kontrak penyeliaan yang jelas mengandungi huraian tentang apakah ekspektasi dan tanggungjawab

pensyarah-penyelia dan juga kaunselor pelatih dalam hubungan penyeliaan. Ianya menjadi medan kedua-dua belah pihak iaitu pensyarah-penyelia dan yang diselia untuk mendapat dan bertukar-tukar maklumat tentang jangkaan penyeliaan yang akan dijalankan seterusnya membawa kepada persetujuan bersama dalam beberapa perkara penting (Othman, 2008).

Hal ini pastinya akan mengurangkan kemungkinan rintangan yang ditempuhi oleh pensyarah-penyelia dan yang diselia. Ini selari dengan dapatan kajian Beschoff (1996), yang mendapati kaunselor pelatih yang sedang menjalani praktikum tidak dapat tidur malam dan menghadapi masalah untuk memfokus kepada sesi kaunselingnya. Demikian juga pandangan yang hampir sama dikemukakan oleh Campbell (2006) yang menyatakan pada tahap awal penyeliaan, yang diselia memerlukan arahan, maklumat dan struktur. Oleh itu melalui penstrukturan dan kontrak penyeliaan maklumat awal tentang penyeliaan praktikum dapat disampaikan kepada yang diselia seterusnya diharapkan menjadi satu kaedah untuk mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul.

Pensyarah-penyelia praktikum GBKSR juga membahagikan proses penyeliaan praktikum kepada fasa semasa penyeliaan. Fasa ini merupakan fasa paling penting kerana pada fasa inilah berlakunya proses penyeliaan secara praktikal. Pensyarah-penyelia menggunakan segala ilmu, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki untuk disampaikan kepada GBKSR. Fokus pada tahap ini ialah dua perkara. Pertama, aspek-aspek yang diselia dan kedua, kaedah yang digunakan semasa menyelia. Manakala fasa akhir adalah fasa selepas penyeliaan. Fungsi fasa ini ialah untuk menamatkan perhubungan penyeliaan. Fasa selepas penyeliaan mengandungi dua perkara iaitu penilaian dan kontrak penutup. Bagi

mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkaitan pola-pola penyeliaan, perbincangan seterusnya akan mendalami aspek jenis-jenis penyeliaan praktikum GBKSR.

5.3.2 Fokus penyeliaan praktikum GBKSR

Penyeliaan praktikum GBKSR melibatkan pelbagai aspek yang perlu diberi perhatian oleh pensyarah-penyelia praktikum. Ini bagi memenuhi keperluan perkembangan personal dan profesional GBKSR yang sedang menjalani latihan praktikum. Dapatan kajian menunjukkan empat jenis penyeliaan yang diberi fokus oleh pensyarah-penyelia praktikum GBKSR iaitu (1) penyeliaan klinikal, (2) penyeliaan pentadbiran, (3) penyeliaan program dan (4) penyeliaan kemahiran bimbingan di dalam kelas. Ini berbeza dengan dapatan kajian Katrina (2008), yang mendapati hanya tiga jenis penyeliaan yang diberi fokus oleh seseorang penyelia iaitu (1) penyeliaan klinikal, (2) pengurusan program dan (3) dan penyeliaan pentadbiran. Penyeliaan kemahiran bimbingan di dalam kelas tidak ditemui dalam kajian beliau. Ini menunjukkan bahawa di Malaysia, penyeliaan kaunseling berjalan secara tersendiri yang berbeza dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di luar negara. Ini selaras dengan kehendak KPM yang memberi arahan kepada semua guru bimbingan dan kaunseling supaya memberi kemahiran tertentu kepada murid-murid sekolah. Aktiviti ini dilaksanakan menerusi penyediaan masa yang khusus dalam waktu persekolahan harian ataupun sewaktu mendapat kelas ganti.

Demikian juga dari aspek penetapan jenis-jenis penyeliaan. Didapati bahawa pensyarah-penyelia praktikum GBKSR telah mengatur secara terancang aspek-aspek yang akan diselia. Dapatan kajian menunjukkan peringkat penyeliaan pertama lebih tertumpu pada

aspek klinikal dan pentadbiran manakala pada peringkat penyeliaan kedua dan ketiga pada aspek penyeliaan program dan kemahiran bimbingan di dalam kelas. Hal ini menunjukkan bahawa pensyarah-penyelia praktikum membuat perancangan yang teratur agar selaras dengan perkembangan masa praktikum. Ini bagi memastikan GBKSR memperoleh pengalaman penyeliaan yang sesuai mengikut tahap-tahap masa tertentu.

Peringkat penyeliaan pertama difokus kepada penyeliaan klinikal untuk memberi keselesaan kepada yang diselia mendapatkan klien iaitu murid-murid sekolah kerana klien tersedia pada bila-bila masa. Hal ini berbeza dengan penyeliaan pentadbiran dan program kerana kedua-dua jenis penyeliaan ini memerlukan masa untuk mengumpul dokumen dan aktiviti yang dijalankan. Oleh itu penyeliaan pentadbiran dan program sesuai dilakukan pada peringkat penyeliaan kedua atau ketiga. Kesimpulannya penentapan aspek penyeliaan dibuat sedemikian rupa berdasarkan faktor perkembangan peringkat penyeliaan. Perbincangan berikutnya memberi fokus pada setiap aspek penyeliaan.

5.3.2.1 Penyeliaan klinikal

Dapatan kajian menunjukkan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR di IPG memberi fokus terhadap penyeliaan klinikal. Ini selaras dengan dapatan kajian oleh Roberts dan Borders (1994), yang mendapati 79% kaunselor sekolah di Carolina Utara memerlukan penyeliaan dalam aspek klinikal. Dalam alam kaunseling, elemen penting ialah segala kemahiran asas kaunseling dan teknik kaunseling yang dapat digunakan oleh kaunselor pelatih bagi membantu kliennya (Othman, 1992, 2001). Pensyarah-penyelia praktikum GBKSR telah berjaya meletakkan perspektif yang betul terhadap penyeliaan aspek klinikal

khususnya yang berkaitan dengan elemen penyeliaan kemahiran kaunseling. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah-penyelia praktikum GBKSR telah memberi fokus kepada tujuh elemen dalam penyeliaan klinikal iaitu (1) kemahiran membina hubungan, (2) kemahiran menyoal, (3) mengenal pasti masalah, (4) membuat rumusan, (5) meneroka masalah, (6) kemahiran refleksi isi dan perasaan dan (7) aplikasi teori kaunseling. Dapatan ini selari dengan pandangan Bernard (2000) yang menyatakan bahawa elemen-elemen kemahiran proses kaunseling yang boleh dinilai sewaktu membuat penyeliaan ialah kecekapan memulakan sesi, kemahiran mendengar, refleksi, penjelasan, konfrontasi, parafrasa, penerokaan masalah, membuat rumusan dan komunikasi tanpa lisan.

Didapati bahawa pensyarah-penyelia telah memainkan peranan dengan jayanya apabila mereka rata-rata memastikan GBKSR yang sedang mengikuti praktikum memperoleh pengetahuan asas kemahiran kaunseling semasa mengadakan sesi kaunseling bersama klien. Keupayaan menguasai kemahiran dalam proses kaunseling merupakan kemuncak kepada keupayaan pembelajaran kaunseling (Othman, 2008). Hal ini menunjukkan kepentingan elemen-elemen klinikal dalam penyeliaan. Ini selaras dengan dapatan kajian Skovolt dan Ronnestad (1992) yang mendapati bahawa penyeliaan klinikal adalah penting untuk peningkatan profesionalisme para pelatih. Pemberian fokus pada penyeliaan klinikal membolehkan tahap profesional yang diselia dapat dinilai dari semasa ke semasa.

5.3.2.2 Penyeliaan pentadbiran

Tanggungjawab pentadbiran yang perlu dijalankan oleh kaunselor ialah memahami struktur pentadbiran sekolah, pengurusan rekod dan mempamerkan etika kerja yang positif (Studer,

2006). Penyeliaan pentadbiran merupakan sebahagian daripada tugas pensyarah-penyelia. Dapatan menunjukkan bahawa aspek yang diselia di bawah penyeliaan pentadbiran ialah penyeliaan sistem fail, catatan buku rekod aktiviti, jurnal, pengurusan dan pentadbiran bilik bimbingan dan kaunseling dan promosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah.

Dapatan ini selaras dengan pandangan Gysbers dan Henderson (1998) yang menyatakan bahawa penyediaan sistem penyimpanan rekod dan dokumentasi dan sistem sokongan membantu pelaksanaan kerja-kerja profesional kaunselor. Menjalankan penyeliaan pentadbiran dalam proses penyeliaan memberi peluang kepada GBKSR menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling cemerlang dan berkualiti. Pengalaman penyeliaan yang diterima memberi satu kekuatan kepada GBKSR dalam banyak perkara khususnya dalam aspek pengurusan dan pentadbiran rekod dan dokumen perkhidmatan kaunseling di sekolah-sekolah.

5.3.2.3 Penyeliaan program

Dapatan menunjukkan bahawa penyeliaan program merupakan aspek penting dan menjadi keperluan dalam kalangan GBKSR. Ini selaras dengan dapatan kajian Katrina (2008), yang mendapati penyeliaan program lebih diperlukan oleh kaunselor sekolah rendah berbanding dengan kaunselor sekolah menengah. Terdapat dua aktiviti yang difokuskan oleh pensyarah-penyelia dalam penyeliaan program iaitu: (1) melaksanakan program keibubapaan, dan (2) program pameran pendidikan kerjaya. Kedua-dua aktiviti ini boleh dikategorikan sebagai aktiviti-aktiviti pengembangan yang penting yang dijalankan

bertujuan untuk melahirkan murid-murid yang berintegriti tinggi, bermotivasi dan mempunyai tahap kesediaan tinggi sebagai seorang pelajar sekolah.

Penyeliaan terhadap aspek pelaksanaan program merupakan sesuatu yang penting kerana memberi peluang kepada GBKSR mempraktikkan program yang betul. Ini memberi pengalaman bermakna dalam mengendalikan program selepas kembali ke sekolah. Program-program yang dijalankan meliputi teori dan amali seperti program keibubapaan dan pameran pendidikan kerjaya. Hal ini selaras dengan pekeliling perkhidmatan KPM yang mewajibkan GBKSR mengendalikan program-program yang boleh membina kekuatan murid.

5.3.2.4 Penyeliaan kemahiran bimbingan di dalam kelas

Dapatan kajian mengenai penyeliaan kemahiran bimbingan di dalam kelas merupakan suatu yang baru dan menjadi dapatan yang tidak dijangka. Hal ini kerana aspek ini tidak disentuh dalam sorotan-sorotan kajian terdahulu sama ada dalam ataupun di luar negara. Ini menggambarkan bahawa pensyarah-penyelia praktikum GBKSR telah memainkan peranan penting ke arah mencapai kehendak KPM yang mengarahkan mereka bertindak sebagai pembimbing kepada murid melalui perkongsian ilmu dengan murid melalui pelaksanaan aktiviti di dalam kelas.

Kemahiran mencatat nota merupakan kemahiran penting dan perlu dikuasai oleh seseorang murid. Justeru penyeliaan yang dilakukan ke atas aspek ini memberi kekuatan kepada guru

pelatih kerana mereka dapat menimba ilmu dan pengalaman mengenai kemahiran mencatat nota yang akhirnya menjadi input untuk dikongsi bersama murid-murid mereka.

Demikian juga halnya dengan kemahiran menghadapi peperiksaan. Penyeliaan yang dilakukan terhadap pelaksanaan aktiviti kemahiran menghadapi peperiksaan memberi kekuatan tersendiri kepada guru pelatih. Melalui penyeliaan ke atas aspek ini guru pelatih memperoleh pengalaman secara langsung daripada pensyarah-penyelia mereka mengenai teknik-teknik betul membimbing murid-murid untuk menghadapi peperiksaan.

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih terperinci mengenai kaedah-kaedah yang digunakan di dalam penyeliaan praktikum GBKSR, perbincangan berikutnya berfokus kepada kaedah yang digunakan oleh pensyarah-penyelia semasa menjalankan tugas-tugas menyelia praktikum GBKSR.

5.3.3 Kaedah yang digunakan di dalam penyeliaan praktikum GBKSR

Dapatan kajian menunjukkan empat kaedah yang digunakan oleh pensyarah-penyelia praktikum GBKSR. Kaedah-kaedah tersebut ialah (1) kaedah penyeliaan secara langsung, (2) kaedah penyeliaan secara bertulis, (3) kaedah penyeliaan secara rakaman dan (4) kaedah penyeliaan secara langsung dan rakaman.

Kaedah penyeliaan secara langsung merujuk kepada proses penyeliaan yang dijalankan secara bersemuka antara seorang pensyarah-penyelia dengan yang diselia. Kaedah ini menjadi popular dan digemari oleh pensyarah-penyelia kerana ianya lebih mudah dan

praktikal. Dapatan ini selari dengan dapatan Lahey (2008) bahawa sebahagian besar pelatih sarjana kaunseling diselia secara bersemuka oleh penyelia universiti masing-masing, seterusnya menyokong dapatan Katrina (2008) bahawa penyeliaan secara langsung memberi impak yang terbaik dalam membangun tahap profesional kaunselor yang diselia.

Kaedah menyelia secara langsung mempunyai beberapa kelebihan. Pertama penyelia menjadi benteng utama dalam menjaga keselamatan klien. Ini bermaksud seandainya berlaku perkara-perkara yang mungkin menjejaskan keselamatan klien sewaktu sesi kaunseling berjalan penyelia boleh mengambil tindakan dengan lebih pantas dan melindungi klien secara terus. Ini membolehkan yang diselia menjalankan kerja dengan kes-kes yang lebih mencabar, yang mana sukar dibuat jika penyeliaan menggunakan kaedah lain.

Kedua, yang diselia akan lebih bersedia untuk mengambil risiko dengan mengendalikan terapi yang lebih mencabar kerana pengetahuan yang ada pada pensyarah-penyelia mampu membantunya dalam intervensi yang dijalankan; hal ini secara langsung menyediakan peluang perawatan yang lebih baik kepada klien. Ini menjadikan yang diselia lebih bermotivasi untuk menjalankan kerja-kerja mereka kerana merasakan diri mereka sentiasa “dilindungi” oleh pensyarah-penyelia.

Ketiga, perhubungan terus antara pensyarah-penyelia dengan yang diselia memudahkan perkongsian tanggungjawab antara pensyarah-penyelia dengan yang diselia untuk intervensi kes-kes. Perkongsian ini sukar dilakukan jika proses penyeliaan tidak dilakukan secara langsung. Keempat, dalam suasana perhubungan terus antara pensyarah-penyelia

dengan yang diselia melalui penyeliaan secara langsung, memberi ruang yang luas kepada yang diselia meniru atau menerima pakai pandangan-pandangan dan idea daripada pensyarah-penyelia mereka. Hal ini memudahkan proses pemindahan ilmu daripada pensyarah-penyelia kepada yang diselia.

Selain membawa kekuatan, penyeliaan secara langsung juga mempunyai beberapa kelemahan. Pertama, seseorang pensyarah-penyelia yang baru terlibat dengan proses penyeliaan akan menghadapi kesukaran semasa menyelia secara langsung khususnya pada tahap-tahap awal penyeliaan. Ini kerana pada tahap tersebut seseorang pensyarah-penyelia yang novis dicirikan dengan sikap diri yang tidak berkeyakinan. Pensyarah-penyelia yang kurang keyakinan diri mengalami was-was untuk menilai kaunselor pelatih. Mereka berkemungkinan memberi sokongan yang tinggi, berstruktur dan berorientasikan tugas. Hal ini akan menjejaskan perkembangan yang diselia.

Kedua, proses penyeliaan secara langsung memerlukan komitmen yang tinggi daripada pensyarah-penyelia, termasuk komitmen masa. Hal ini berkemungkinan menjadi kekangan pada pensyarah-penyelia. Ini kerana seseorang pensyarah-penyelia di IPG selalunya mempunyai tugas-tugas lain yang pada masa sama perlu diselesaikan. Ini termasuk tugas pengajaran dan pembelajaran di kelas, menyelia pelatih lain, menjalankan penyelidikan dan sebagainya. Masalah menjadi lebih ketara jika jarak antara sekolah praktikum dengan institusi terletak jauh. Ini memberi suatu tamparan kepada pensyarah-penyelia untuk mengadakan proses penyeliaan secara langsung yang memerlukan masa agak lama.

Ketiga, wujud kecenderungan dalam kalangan yang diselia untuk hanya mengikut apa sahaja yang dicadangkan oleh pensyarah-penyelia dalam menyelesaikan perkara-perkara berkaitan dengan tugas mereka sewaktu menjalani praktikum. Hal ini berlaku kerana yang diselia rasa terikat dengan idea dan pandangan pensyarah-penyelia yang sentiasa berada bersama dengan mereka. Jika perkara ini berlaku dalam jangka masa yang panjang sedikit sebanyak akan menyekat kreativiti atau idea yang diselia itu sendiri. Mereka berasa kurang idea untuk dikemukakan kerana sentiasa dibayangi oleh idea atau pendapat yang diutarakan oleh pensyarah-penyelia. Ini menyebabkan sesi kaunseling yang dijalankan tidak menggambarkan kemampuan sebenar yang diselia. Hal ini mungkin tidak akan berlaku jika proses penyeliaan tidak dilakukan secara langsung.

Selain mendatangkan kesan negatif pada yang diselia, penyeliaan secara langsung juga membawa kesan yang kurang baik kepada klien. Klien berkemungkinan akan berasa tidak selesa atau takut dengan kehadiran pensyarah-penyelia secara langsung semasa sesi kaunseling. Ini boleh mengganggu proses kaunseling kerana klien mungkin tidak akan menceritakan perkara sebenar kepada kaunselor.

Seterusnya masalah akan timbul pada aspek proses penyeliaan jika klien tidak memberi kebenaran kepada orang lain untuk berada bersama-sama. Dari segi etika kaunseling, klien mempunyai hak untuk berbuat demikian. Jika keadaan ini berlaku sudah tentu akan menjejaskan proses penyeliaan praktikum oleh pensyarah-penyelia yang berkemungkinan besar akan membawa masalah lain pula.

Kajian mendapati kaedah penyeliaan secara bertulis merupakan kaedah kedua diamalkan oleh pensyarah-penyelia praktikum GBKSR. Pensyarah-penyelia menyemak semua bahan praktikum yang dihasilkan dalam bentuk bertulis. Ini termasuklah buku rekod aktiviti, jurnal dan skrip verbatim yang dihasilkan oleh guru pelatih. Pemilihan kaedah penyeliaan secara bertulis menunjukkan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR menggunakan peluang yang tersedia dalam menjalankan penyeliaan. Ini kerana rekod aktiviti dan jurnal merupakan bahan-bahan yang pasti dimiliki oleh semua guru pelatih. Buku rekod aktiviti merupakan dokumen rasmi utama yang menjadi tempat pengumpulan semua maklumat tentang aktiviti harian yang sangat bermakna kepada guru pelatih dan pensyarah-penyelia. Kandungan dalam buku rekod aktiviti boleh dijadikan asas dalam membuat penilaian dan pemantauan praktikum bagi GBKSR. Justeru buku rekod aktiviti menjadi sumber utama bahan penyeliaan.

Demikian juga halnya dengan jurnal. Penyeliaan yang dijalankan berasaskan penulisan jurnal oleh guru pelatih memberi kekuatan kepada pensyarah-penyelia untuk mendapat gambaran tentang perasaan, kepercayaan dan nilai-nilai yang dimiliki oleh GBKSR kerana aspek-aspek perasaan, kepercayaan dan nilai-nilai yang diperoleh dalam tempoh praktikum lazimnya terjelma melalui penulisan jurnal oleh guru pelatih. Di sinilah letaknya kekuatan penyeliaan secara bertulis daripada sumber jurnal. Selain itu penyeliaan yang dijalankan berasaskan jurnal juga menggalakkan guru pelatih melahirkan pemikiran dan perasaan yang dialami, justeru ia akan menggalakkan pendedahan sendiri seseorang guru pelatih.

Penggunaan skrip verbatim yang dihasilkan guru pelatih sebagai alat dalam menyelia juga mempunyai kekuatan tersendiri. Ini kerana penggunaan skrip verbatim sebagai alat

menyelia akan memudahkan urusan proses bimbingan dan panduan oleh pensyarah-penyelia dan sesi konsultasi antara pensyarah-penyelia dengan guru pelatih boleh dijalankan secara terus. Segala teguran dan komen yang diberikan oleh pensyarah-penyelia boleh dicatat secara langsung oleh guru pelatih.

Penggunaan kaedah penyeliaan rakaman mempunyai beberapa kelebihan. Proses penyeliaan lebih mudah, cepat dan tepat kerana rakaman yang diselia disediakan terlebih dahulu. Selain itu, urusan penyeliaan dipermudahkan kerana pensyarah-penyelia boleh mendengar dan mengulangi bahagian atau aspek-aspek tertentu yang diperlukan pada bila-bila masa. Di samping itu, pensyarah-penyelia boleh mendengar terlebih dahulu rakaman dan membuat komen sama ada secara lisan ataupun bertulis sebelum bertemu dengan yang diselia. Ini memudahkan urusan bersoal jawab dengan guru pelatih dan tidak mungkin berlaku jika proses penyeliaan tanpa menggunakan kaedah rakaman.

Proses penyeliaan menggunakan rakaman juga mempunyai beberapa kekurangan. Pertama ia mungkin menimbulkan isu etika jika proses rakaman dibuat tanpa pengetahuan dan kebenaran klien terlebih dahulu. Ini kerana dari segi etika kaunseling, klien mempunyai hak untuk memberi atau menolak rakaman sesi yang akan dijalankan.

Kedua, pensyarah-penyelia mesti memastikan rakaman yang dibuat itu berkualiti. Ini memerlukan perhatian yang lebih daripada pensyarah-penyelia; terlebih dahulu pensyarah-penyelia mesti memastikan suara jelas dan sesuai, bilik sesuai dan tiada sebarang gangguan walaupun kecil seperti bunyi deringan telefon, bunyi pusingan kipas dan penghawa dingin. Hal ini tidak berlaku dalam proses penyeliaan yang menggunakan kaedah lain.

Ketiga, ada kemungkinan proses rakaman yang hendak dijalankan akan menimbulkan kesan negatif kepada klien. Kemungkinan klien takut-takut untuk menjalani sesi kaunseling jika ini berlaku, menyebabkan klien berasa serba salah untuk meneruskan sesi kaunseling. Jika sesi diteruskan juga bermakna ia berjalan dalam keadaan terpaksa. Ciri-ciri ini tidak baik dari segi etika kaunseling yang menjadikan sesi ini sesuatu yang sukarela. Jika ini berlaku proses penyeliaan akan terjejas.

Kaedah penyeliaan secara langsung dan rakaman merupakan kaedah gabungan yang digunakan oleh pensyarah-penyelia praktikum GBKSR. Kaedah ini mempunyai kekuatan tersendiri iaitu pensyarah-penyelia dapat menyelia secara langsung dan pada masa sama sesi kaunseling dirakam sepenuhnya. Proses penyeliaan menjadi lebih mantap berbanding dengan kaedah lain kerana kaedah ini lebih cekap dan berkesan serta dapat meminimumkan kesilapan yang mungkin berlaku. Rakaman itu dimainkan untuk sesi perbincangan bersama antara pensyarah-penyelia dengan yang diselia. Ianya menjadikan proses penyeliaan praktikum lebih mudah dan tepat berbanding dengan kaedah lain.

Proses penyeliaan secara langsung dan rakaman juga mempunyai kekurangan. Kaedah ini mungkin menjadi gangguan berganda kepada klien kerana sesi kaunseling yang diikuti disertai bersama oleh seseorang yang tidak dikenali dan pada masa sama juga rakaman dibuat. Hal ini sudah tentu menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan klien dan seterusnya akan menjejaskan kualiti sesi kaunseling keseluruhannya. Hal ini menjadi lebih parah jikalau proses rakaman yang dibuat dipaksa terima oleh klien.

Rumusannya terdapat pelbagai kaedah yang diguna pakai oleh pensyarah-penyelia praktikum semasa menyelia praktikum GBKSR. Pemilihan kaedah penyeliaan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti peralatan, pengetahuan dan kemahiran menyelia dalam kalangan pensyarah-penyelia itu sendiri. Pensyarah-penyelia bebas memilih kaedah terbaik untuk digunakan semasa membuat penyeliaan dengan mengambil kira beberapa perkara. Setiap kaedah mempunyai kekuatan dan kelemahan terseniri.

5.3.4 Bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang bentuk-bentuk amalan penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR, bahagian berikutnya membincangkan pola-pola amalan pensyarah-penyelia yang wujud semasa menyelia GBKSR.

Dapatan kajian menunjukkan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR mempraktikkan enam amalan semasa menyelia praktikum GBKSR. Amalan-amalan tersebut ialah (1) amalan mendidik, (2) amalan sebagai kaunselor, (3) amalan menilai, (4) amalan berunding, (5) amalan pemodelan dan (6) amalan mengarah. Dapatan ini selari dengan pernyataan Bernard (1979) dalam model penyeliaan diskriminasi Bernard yang menjelaskan bahawa dalam penyeliaan kaunseling, seseorang penyelia memainkan tiga peranan utama iaitu (1) sebagai guru, (2) sebagai kaunselor dan (3) sebagai konsultan.

Dapatan kajian juga menyokong model adaptasi penyeliaan dan Model Mentoring yang menyatakan bahawa penyelia mempamerkan empat gaya penyeliaan yang berbeza-beza. Empat gaya penyeliaan ialah (1) gaya sebagai pengarah teknikal, (2) gaya sebagai mentor

pengajar, (3) gaya sebagai mentor sokongan dan (4) gaya sebagai rakan kerjasama. Walaupun wujud persamaan dari segi peranan yang dimainkan oleh penyelia namun ia berbeza dari segi asas munculnya peranan-peranan tadi. Dapatan kajian yang menunjukkan munculnya enam peranan atau amalan pensyarah-penyelia banyak digerakkan oleh kematangan masa dan kurang mengambil kira perkembangan yang berlaku pada yang diselia. Sebaliknya peranan penyelia dalam model diskriminasi, model adaptasi penyeliaan dan model perkembangan berubah-ubah berasaskan perkembangan personal dan profesional yang diselia. Dapatan ini juga selari dengan model mentoring yang dikemukakan oleh Tentoni (1995) yang mencadangkan satu paradigm untuk mentoring dalam kaunseling. Model ini mengandungi tiga peranan asas penyelia iaitu (1) mengajar, (2) menyokong, dan (3) memberi galakan.

Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa ciri-ciri amalan pensyarah-penyelia tergolong dalam model penyeliaan peranan sosial. Ini kerana ciri-ciri dalam amalan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR mempunyai persamaan. Sebaliknya berbeza dengan model perkembangan dan model penyeliaan berasaskan teori kaunseling.

Walaupun dapatan kajian menunjukkan pensyarah-penyelia mengamalkan pelbagai amalan dalam melaksanakan tugas menyelia, namun amalan yang paling dominan atau paling kerap diamalkan oleh pensyarah-penyelia ialah amalan mendidik, manakala amalan yang kedua kerap ialah amalan sebagai kaunselor diikuti amalan menilai, amalan berunding, amalan sebagai model dan amalan mengarah. Dapatan ini menunjukkan persamaan dengan dapatan kajian Shimoni dan Lazovsky (2007) yang mendapati peranan ideal seorang penyelia pada perspektif yang diselia adalah sebagai guru, kaunselor, konsultan dan

penyokong. Walau bagaimanapun kajian tersebut dibuat terhadap amalan penyelia tapak bukannya amalan dalam kalangan pensyarah-penyelia di institusi seperti dalam kajian ini.

Berdasarkan amalan yang paling kerap dipraktikkan oleh pensyarah-penyelia praktikum GBKSR iaitu amalan mendidik, ia secara langsung mencerminkan bahawa pensyarah-penyelia praktikum GBKSR mempunyai nilai-nilai sebagai seorang guru. Ini kerana mereka banyak membuat peneguhan, membuat teguran dan memberi cadangan, memberi contoh dan memberi ingatan kepada guru pelatih masing-masing yang sememangnya diamalkan oleh seseorang guru.

Amalan-amalan ini mempunyai banyak kelebihan jika dipraktikkan secara betul kerana ia selaras dengan hierarki keperluan manusia seperti yang dicadangkan oleh Teori Motivasi Maslow (1970). Selaras dengan status guru pelatih yang baru didedahkan sebagai GBKSR semestinya mereka sangat-sangat ketagih didikan dan panduan daripada pensyarah-penyelia mereka. Mereka mengharapkan teguran-teguran positif, cadangan-cadangan membina, contoh dan sering memperingatkan mereka semasa menjalankan aktiviti kaunseling ataupun mengelola projek-projek serta mengurus sistem rekod aktiviti, fail dan sebagainya. Justeru memberi peneguhan menjadi pemangkin kepada motivasi para guru pelatih dalam melakukan sesuatu perkara kerana seseorang kaunselor pelatih sering memerlukan peneguhan ke atas perlakuan proses kaunseling yang dijalankan (Othman, 2008).

Selain itu, guru pelatih juga akan menjadikan pengalaman yang mereka terima semasa diselia sebagai pengalaman yang akan diterap di sanubari masing-masing, dan bila sampai masanya pengalaman-pengalaman seperti ini akan dipraktik kembali semasa mereka

berinteraksi dengan pelajar-pelajar di sekolah nanti. Oleh itu elemen-elemen dalam amalan mendidik seperti di atas harus menjadi amalan semua pensyarah-penyelia. Ini penting bagi melahirkan GBKSR yang penyayang, positif, bertanggungjawab, ikhlas dan jujur dalam melaksanakan tugas di sekolah kelak. Jika ini berlaku menunjukkan bahawa pensyarah-penyelia memahami tugas mereka dalam aspek fungsi pendidikan seperti yang jelaskan oleh Kadushin (1976), yang menyatakan bahawa salah satu fungsi penyelia ialah fungsi pendidikan selain daripada fungsi pentadbiran dan fungsi sokongan. Justeru pensyarah-penyelia praktikum telah berjaya memainkan fungsinya sebagai pendidik.

Amalan sebagai kaunselor menjadi amalan kedua kerap diamalkan oleh pensyarah-penyelia praktikum GBKSR. Dalam menjayakan amalan ini pensyarah-penyelia telah mengambil dua tindakan iaitu memberi maklum balas kepada GBKSR bagi tujuan meningkatkan tahap kemahiran dan membantu GBKSR menghadapi kebimbangan. Dapatan kajian yang menunjukkan pensyarah-penyelia mempraktikkan amalan sebagai kaunselor semasa menyelia praktikum GBKSR merupakan satu dapatan yang bernilai. Mereka mengadakan perbincangan untuk memberi maklum balas membina bagi tujuan peningkatan kemahiran dan juga mengatasi kebimbangan para guru pelatih. Ini selari dengan dapatan kajian Katrina (2008), yang mendapati partisipan dalam kajiannya menyifatkan maklum balas yang diterima daripada penyelia mendatangkan faedah besar daripada penyeliaan yang diterima. Ini selari dengan tujuan penyeliaan iaitu untuk memenuhi keperluan yang diselia bagi membentuk identiti profesional yang diselia (Haynes & Moulton, 2003).

Maklum balas yang memberi fokus pada kekuatan dan kelemahan yang diselia boleh membantu celik akal seseorang yang diselia sebagai seorang guru pelatih. Hal ini dapat

mengatasi masalah curiga dan kurang yakin diri dalam kalangan GBKSR kerana melalui perbincangan dan maklum balas, GBKSR merasakan dia menerima sokongan padu daripada pensyarah-penyelia. Keadaan yang sedemikian membolehkan kaunselor yang diselia mendapatkan bantuan untuk meleraikan segala kekusutan dan kebimbangannya ke atas proses kaunseling (Bradley, & Kottler, 2001). Pandangan ini menyokong secara konsisten dapatan-dapatan kajian lepas (Agnew, Cole, Getz & Fortune, 2000; Crutchfield & Borders, 1997; Peterson, 1986; Roberts & Borders, 1994).

Demikian juga dapatan kajian oleh Benschhof dan Paisley (1996) mendapati bahawa sokongan yang diterima oleh yang diselia telah dikenal pasti sebagai faktor yang berfaedah kepada yang diselia. Hal ini selari dengan dapatan Cummins (2009) bahawa berlaku unsur penerimaan maklum balas daripada penyelia dan ini menjadi bahagian penting dalam perhubungan penyeliaan. Justeru adalah amat wajar seseorang pensyarah-penyelia mempraktikkan amalan sebagai kaunselor dengan sering memberi maklum balas kepada yang diselia bagi memastikan wujud suasana penilaian positif semasa proses penyeliaan (Costa, 1994)

Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, amalan menilai merupakan sebahagian daripada amalan yang dipraktikkan oleh pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR. Didapati bahawa pensyarah-penyelia telah mengikut prosedur yang betul semasa melaksanakan amalan menilai guru pelatih mereka. Prosedurnya bermula dengan penetapan kontrak penilaian. Pensyarah-penyelia telah memaklumkan terlebih dahulu kepada guru pelatih masing-masing tentang kekerapan penilaian, tempat dilaksanakan penilaian, jenis klien yang sesuai dan kaedah penilaian yang digunakan. Dalam menyempurnakan amalan

menilai, pensyarah-penyelia telah melaksanakan dua bentuk penilaian ke atas guru pelatih masing-masing iaitu penilaian formatif dan sumatif. Ini selaras dengan pandangan Campbell (2006) yang menyatakan bahawa pada akhir sesi penyeliaan perlu diadakan penilaian semasa kedua-dua pihak berbincang tentang pengalaman penyeliaan yang diperoleh.

Proses penyeliaan memang penuh dengan ciri-ciri perundingan (Othman, 2008). Amalan berunding juga ditemui oleh Cummins (2009) dalam kajiannya mengenai peranan praktikum dan yang diselia dalam pembangunan identiti profesional; Cummins (2009) mendapati bahawa perhubungan yang terbuka merupakan sebahagian daripada tema dalam dapatan kajiannya. Hal ini juga selaras dengan dapatan Weaks (2002), yang mengkaji keperluan pelatih dalam *internship* yang memerlukan suasana perundingan yang selesa untuk berada dalam keadaan selamat dan terbuka semasa sesi penyeliaan.

Amalan mengarah turut dipraktikkan oleh pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR. Dapatan kajian ini selaras dengan saranan dalam model adaptasi penyeliaan (ASICT) yang menjelaskan bahawa dalam menjalankan penyeliaan, penyelia lebih bersifat mengarah dan mengurangkan sokongan kepada kaunselor. Ini kesan daripada kurang yakin diri, kurang pengalaman dan kemahiran dalam kalangan guru pelatih.

Walaupun kajian mendapati amalan mengarah turut dipraktikkan oleh para pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR, namun amalan ini tidak popular berbanding dengan lima amalan penyeliaan yang lain. Kemunculannya sekali sahaja. Walaupun begitu amalan mengarah mempunyai kekuatan tertentu jika diamalkan pada masa yang sesuai.

Amalan ini sangat sesuai pada penyeliaan peringkat pertama kerana pada peringkat ini guru pelatih sangat mahukan arahan secara berstruktur kerana arahan yang diberikan boleh membantu mereka melaksanakan kerja-kerja sebaik mungkin. Apatah lagi jika guru pelatih ini diselia pada kali pertama oleh pensyarah-penyelia yang tidak mengajar mereka sewaktu di dalam kelas. Jadi amalan memberi arahan selaras dengan tahap perkembangan personal dan profesional mereka. Walaupun amalan mengarah mempunyai kebaikan, namun ia kurang sesuai bagi sesetengah guru pelatih terutamanya bagi guru-guru pelatih yang mempunyai asas kukuh dalam bidang bimbingan dan kaunseling seperti lulusan Sarjana Muda Kaunseling di peringkat ijazah. Guru-guru pelatih yang mempunyai kelayakan seperti ini mempunyai pengalaman menjalani latihan praktikum sebelum dianugerahkan ijazah berkenaan.

Selain itu, amalan mengarah kurang sesuai jika diamalkan pada peringkat penyeliaan kedua atau ketiga. Ini kerana pada peringkat ini guru-guru pelatih sudah menguasai ilmu dengan baik. Jika mereka diberi arahan secara berterusan sedikit sebanyak akan menyekat kreativiti guru pelatih dalam menjalankan kerja. Jika hal ini berlaku sudah tentu akan menjejaskan matlamat sebenar proses penyeliaan untuk meningkatkan tahap perkembangan personal dan profesional yang diselia. Kesan jangka panjangnya guru-guru pelatih yang sering menerima arahan akan menjadikan menerima arahan sebagai budaya kerja mereka. Jika keadaan berterusan, ini akan menjejaskan usaha kerajaan untuk melahirkan guru yang kreatif dan kritis yang bertaraf dunia. Justeru seseorang pensyarah-penyelia perlu bijak memilih amalan sesuai dengan perkembangan pembelajaran yang diselia.

Rumusannya, kepelbagaian amalan yang dipraktikkan oleh pensyarah-penyelia telah memberi kesan positif kepada yang diselia. Ini selaras dengan dapatan kajian oleh Hilton, Russell, dan Salmi (1995), yang mendapati bahawa kepuasan yang diselia meningkat dengan penyediaan persekitaran dan pembinaan hubungan yang baik antara penyelia dengan yang diselia.

5.3.5 Matriks penyeliaan praktikum GBKSR

Dapatan kajian diperoleh daripada tiga sumber data iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Hasil analisis data muncul empat skop penemuan iaitu fasa penyeliaan, jenis-jenis penyeliaan, kaedah yang digunakan dalam penyeliaan dan amalan yang dipraktikkan oleh pensyarah-penyelia sepanjang melaksanakan proses penyeliaan praktikum GBKSR. Hasil dapatan kajian keseluruhan dirumus bagi mencadangkan suatu matriks pola penyeliaan praktikum GBKSR. Ianya digunakan sebagai panduan alternatif kepada semua pensyarah-penyelia praktikum GBKSR di IPG seluruh negara. Secara umumnya matriks penyeliaan praktikum GBKSR mengandungi empat konstruk penting iaitu fasa-fasa penyeliaan, jenis penyeliaan, kaedah yang digunakan dalam penyeliaan dan bentuk-bentuk amalan yang digunakan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR.

Matriks penyeliaan mencadangkan agar proses penyeliaan dibahagikan kepada tiga fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas penyeliaan. Setiap fasa mempunyai fungsi tersendiri dan agak berbeza antara satu dengan lain. Matriks ini mencadangkan fasa sebelum lebih

berbentuk pengenalan kepada proses penyeliaan. Fasa semasa adalah pelaksanaan manakala fasa selepas berbentuk sesi refleksi dan penilaian.

Manakala fokus penyeliaan pada empat aspek iaitu penyeliaan klinikal, pentadbiran, program dan kemahiran bimbingan di dalam kelas. Matriks penyeliaan ini mencadangkan agar fokus terhadap aspek-aspek yang aspek-aspek tersebut berbeza-beza berdasarkan fasa dan peringkat penyeliaan. Peringkat pertama lebih berfokus kepada penyeliaan klinikal, dan peringkat kedua kepada penyeliaan program dan pentadbiran.

Kaedah penyeliaan juga berubah berdasarkan fokus atau jenis penyeliaan. Ciri-ciri dalam matriks penyeliaan ini mencadangkan agar pensyarah-penyelia praktikum menggunakan kaedah penyeliaan secara langsung bagi tiga jenis penyeliaan iaitu klinikal, program dan kemahiran bimbingan di dalam kelas. Manakala bagi penyeliaan pentadbiran dicadangkan kaedah penyeliaan bertulis digunakan.

Demikian juga dari aspek bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia. Matriks ini mencadangkan agar pensyarah-penyelia memberi fokus kepada enam bentuk amalan iaitu mendidik, amalan sebagai kaunselor, amalan berunding, amalan menilai, amalan sebagai model dan amalan mengarah. Enam amalan ini dicadangkan sentiasa diamalkan oleh pensyarah-penyelia tanpa mengambil kira peringkat dan jenis serta kaedah yang digunakan dalam penyeliaan. Sebaliknya kaedah mengarah kurang digalakkan diamalkan oleh pensyarah-penyelia. Amalan mengarah dicadangkan pada keadaan tertentu sahaja seperti kepada guru pelatih yang tidak mempunyai asas dalam kaunseling ataupun kepada guru

pelatih yang mempunyai masalah tertentu sewaktu menjalankan sesi kaunseling bersama klien mereka.

Matriks penyeliaan praktikum GBKSR mempunyai beberapa kekuatan tersendiri. Pertama, matriks boleh dikatakan komprehensif kerana ianya mengandungi konstruk-onstruk penting dalam proses penyeliaan praktikum. Konstruk yang terkandung dalam matriks tersebut ialah fasa atau peringkat-peringkat penyeliaan, aspek atau fokus, kaedah dan amalan-amalan terbaik yang dicadangkan untuk diamalkan oleh pensyarah-penyelia. Ini membolehkan proses penyeliaan praktikum GBKSR lebih mantap, seragam dan profesional dalam kalangan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR seluruh IPG.

Kedua, proses pembentukannya mengikut prosedur saintifik dan sistematik. Kandungannya terhasil daripada rumusan dapatan kajian yang diperolehi melalui tiga kaedah kutipan data iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Ianya terhasil daripada tingkah laku dan suasana sebenar yang ditunjukkan atau diamalkan oleh pensyarah-penyelia yang berpengalaman luas dalam penyeliaan praktikum GBKSR. Ia merupakan amalan terbaik yang dipamerkan oleh pensyarah-penyelia bimbingan dan kaunseling yang berkhidmat di IPG.

Ketiga, matriks ini memberi panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam penyeliaan. Ini menjadikan proses penyeliaan praktikum lebih sistematik dan tersusun seterusnya menyediakan asas yang kukuh dan sesuai kepada pensyarah-penyelia permulaan dalam menjalankan proses penyeliaan sehingga pensyarah-penyelia memperoleh pengetahuan dan kemahiran dan keyakinan diri yang tinggi.

Keempat, proses perancangan dan pelaksanaan penyeliaan mengambil kira pelbagai faktor yang bertujuan untuk memaksimumkan kompetensi yang diselia dalam tempoh praktikum seterusnya dapat membantu melahirkan GBKSR permulaan yang berkualiti. Kelima, fokus kaedah dan bentuk amalan penyeliaan yang dipersembah oleh pensyarah-penyelia sedikit sebanyak mengambil kira perkembangan kematangan personal dan profesional yang diselia.

Selain mempunyai kekuatan, matriks penyeliaan praktikum GBKSR juga mempunyai beberapa kelemahan. Pertama, kelemahan dari segi fokus penyeliaan. Fokus penyeliaan banyak ditentukan oleh persepsi pensyarah-penyelia bukannya berdasarkan keperluan profesional yang diselia. Ini mungkin memberi gambaran yang kurang tepat tentang keperluan sebenar yang diselia; kesannya perkembangan profesional yang diselia tidak mencapai tahap maksimum dan mungkin akan menjejaskan penilaian yang dibuat oleh pensyarah-penyelia. Oleh itu matriks penyeliaan ini hanya memberi manfaat sebelah pihak sahaja iaitu pensyarah-penyelia tidak kepada yang diselia. Proses penyeliaan akan lebih bermakna sekiranya keperluan yang diselia turut diambil kira.

Kedua, fokus yang banyak terhadap aspek penyeliaan menjadi bebanan kepada pensyarah-penyelia. Ini kerana pensyarah-penyelia juga terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran di IPG. Kekangan masa ini dibimbangi menjejaskan kualiti penyeliaan oleh pensyarah-peyelia.

5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian

Pensyarah-penyelia praktikum GBKSR telah memberi fokus kepada ciri-ciri pengajaran dan pembelajaran dalam penyeliaan mereka. Ini selaras dengan fungsi pendidikan dalam penyeliaan bagi mencapai matalamat berikut; pengetahuan tentang kesesuaian tugas profesional, pengetahuan klinikal dan kemahiran teknik kaunseling yang diterap semasa pendidikan formal, keupayaan melakukan konseptualisasi kes kaunseling dan penilaian. Kesimpulannya matriks pernyataan ciri-ciri penyeliaan praktikum GBKSR mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Namun demikian, konstruk yang terkandung dalam matriks tersebut sudah memadai untuk dijadikan panduan asas kepada pensyarah-penyelia praktikum GBKSR dalam kalangan pensyarah-penyelia IPG khususnya kepada pensyarah-penyelia novis.

5.5 Implikasi Dapatan Kajian

Dapatan kajian telah memberi sumbangan keilmuan kepada bidang penyeliaan kaunseling, khususnya penyeliaan praktikum GBKSR. Pensyarah IPG didapati berupaya mengurus dan mentadbir praktikum GBKSR dengan baik. Fokus penyeliaan adalah menepati dengan keperluan tugas sebenar GBKSR. Demikian juga pensyarah-penyelia menggunakan kaedah yang sesuai dengan keperluan guru pelatih. Hasilnya guru pelatih berjaya memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang sesuai hasil bimbingan dan penyeliaan para pensyarah-penyelia mereka. Ini kerana pelbagai amalan yang dipraktikkan oleh pensyarah-penyelia telah membantu GBKSR menerima input cemerlang dalam mengendalikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah. Walaupun matriks penyeliaan praktikum

mempunyai beberapa kelemahan tetapi masih sesuai dijadikan panduan kepada pensyarah-penyelia praktikum GBKSR menjalankan kerja-kerja mereka.

5.5.1 Implikasi kepada latihan dan kursus

Kompetensi seseorang pensyarah-penyelia praktikum bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Pengetahuan dan kemahiran pula diperoleh melalui kursus-kursus dari semasa ke semasa. Pihak IPGM disarankan agar memperkenalkan kursus menyelia praktikum secara profesional kepada pensyarah penyelia praktikum GBKSR di IPG secara berterusan. Kursus menyelia praktikum wajib diberikan kepada pensyarah baru. Pensyarah-penyelia mesti memiliki latihan yang sistematik dan khusus bagi membolehkan mereka membina kemahiran kepenyeliaanya (Bernard, 1981) kerana latihan khusus dalam bidang ini masih ketinggalan (Kaiser & Barretta Herman, 1999).

Rasionalnya pengetahuan dan kemahiran para pensyarah-penyelia dapat dimantapkan dari semasa ke semasa. Jika ini dapat dilakukan hasilnya proses penyeliaan praktikum yang dikendalikan oleh pensyarah-penyelia IPG lebih berkualiti. Kurikulum kursus harus mengandungi aspek penyeliaan praktikum dalam empat aspek iaitu penyeliaan klinikal, penyeliaan pentadbiran, penyeliaan program dan penyeliaan kemahiran bimbingan di dalam kelas. Selain itu kaedah dan teknik serta tingkah laku profesional pensyarah-penyelia turut diberi keutamaan. Aspek-aspek ini harus diajar secara bersepadu melibatkan komponen teori dan amali melalui kaedah perbengkelan. Sehubungan dengan itu, disarankan agar IPG melaksanakan kursus pemantapan penyeliaan praktikum kepada pensyarah IPG secara berterusan. Tenaga pengajar haruslah terdiri daripada para pensyarah yang berpengalaman

dalam bidang penyeliaan kaunseling daripada IPG ataupun Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Memandangkan peranan pensyarah-penyelia praktikum sangat penting dalam melahirkan GBKSR yang mantap dalam aspek pengetahuan, sahsiah dan kemahiran, pengurusan IPGM disarankan agar menilai semula dasar berkaitan syarat masuk pensyarah dalam bidang bimbingan dan kaunseling untuk berkhidmat di IPG. Adalah disarankan kepada KPM dan IPG supaya keutamaan diberikan kepada pensyarah yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang kaunseling, berpengalaman sebagai kaunselor di sekolah sekurang-kurangnya lima tahun dan mempunyai Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling.

Selain itu, pensyarah kursus bimbingan dan kaunseling di IPG harus diberi pendedahan dari semasa ke semasa mengenai bidang-bidang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah khususnya di sekolah rendah. Ini penting bagi memastikan pensyarah IPG sentiasa mendapat maklumat terkini mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah seterusnya memudahkan proses penyeliaan yang akan berlaku sewaktu praktikum.

Seterusnya ciri-ciri dalam matriks penyeliaan praktikum GBKSR boleh dimanfaatkan untuk membuat penyeliaan terhadap kaunselor-kaunselor dalam perkhidmatan yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah seluruh negara. Ini bagi memantapkan lagi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah rendah dan menengah seluruh negara.

5.5.2 Implikasi kepada penyelia dan pendidik kaunselor

Pensyarah kursus bimbingan dan kaunseling di IPG harus bersedia untuk memantapkan tahap profesional dalam bidang kepenyeliaan praktikum dari semasa ke semasa. Bagi pensyarah yang berpengalaman diharap sentiasa bersedia untuk menabur khidmat dengan memberi bimbingan dan panduan kepada pensyarah-pensyarah baru. Adalah disarankan agar pensyarah yang berpengalaman dilantik sebagai jurulatih di peringkat kebangsaan dan bersedia memberi bimbingan kepada pensyarah-penyelia praktikum di seluruh negara. Mereka akan menjadi mentor kepada pensyarah lain khususnya pensyarah baru dalam mengendalikan penyeliaan praktikum GBKSR.

Pihak IPGM harus memberi keutamaan pengambilan guru pelatih KPLI kepada mereka yang mempunyai kelayakan asas dalam bimbingan dan kaunseling bagi memastikan kualiti penyeliaan sentiasa pada tahap baik. Ini kerana guru pelatih dari opsyen kaunseling dari IPT telah mempunyai pengalaman mantap dari aspek kaunseling. Seterusnya pihak IPGM disarankan agar mewujudkan jawatan khas dalam penyeliaan praktikum dalam kalangan pensyarah IPG. Ini sebagai satu motivasi kepada pensyarah-penyelia praktikum supaya sentiasa bermotivasi tinggi dalam penyeliaan. Contohnya memperkenalkan jawatan pensyarah cemerlang dalam bidang penyeliaan praktikum.

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Memandangkan kajian ini mempunyai batasannya tersendiri maka beberapa kajian lanjutan dicadangkan. Kajian lanjutan dalam proses penyeliaan diperlukan dalam membantu

mengenal pasti elemen-elemen yang membantu proses penyeliaan praktikum lebih komprehensif dan sistematik. Kajian ini dijalankan di sekolah rendah dan melibatkan pensyarah-penyelia IPG sahaja. Adalah dicadangkan suatu kajian lanjutan dijalankan. Kajian yang dicadangkan difokus kepada proses penyeliaan di sekolah menengah melibatkan pensyarah-penyelia praktikum dari IPTA. Melalui dapatan boleh dibuat perbandingan antara konstruk penyeliaan sekolah rendah dan menengah. Selain itu, kajian lanjutan ini perlu dilakukan dalam *setting* lain selain pendidikan. Ini termasuklah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), hospital, jabatan penjara dan lain-lain. Dapatan boleh dibandingkan berdasarkan *setting* yang berbeza.

Kajian lanjutan tentang proses dan amalan penyeliaan pelatih GBKSR perlu dijalankan secara mendalam. Kajian ini hanya melibatkan penyertaan tujuh pensyarah-penyelia sahaja. Walaupun dapatan kajian ini dapat menyediakan maklumat yang kaya dan terperinci, namun peserta kajian masih lagi terhad dan tidak dapat digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar. Adalah lebih sesuai dan berguna jika reka bentuk kajian menggunakan kaedah kuantitatif dan melibatkan lebih ramai pensyarah-penyelia praktikum IPG di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Selain itu, kajian lanjutan perlu dilakukan untuk melihat perkembangan penyeliaan mengikut tahap-tahap perkembangan yang diselia. Ini kerana kajian ini kurang mengambil kira tahap perkembangan profesional yang diselia tetapi mengambil kira tahap perkembangan masa iaitu dari penyeliaan peringkat pertama, kedua dan ketiga penyeliaan. Dengan mengambil kira tahap perkembangan yang diselia, hasil kajian akan menjadi lebih mantap dan komprehensif bagi membantu penyelia, pendidik kaunselor dan penyelidik

dalam menyediakan model penyeliaan berkesan dan model latihan profesional bagi pensyarah-penyelia praktikum GBKSR.

Seterusnya kajian ini berfokuskan proses dan amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia GBKSR. Dapatannya menggambarkan konstruk-onstruk penyeliaan bagi GBKSR dalam latihan. Justeru dapatan kajian tidak mencerminkan konstruk penyeliaan bagi kaunselor dalam perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan kajian lanjutan dijalankan melibatkan partisipan dalam kalangan kaunselor dalam perkhidmatan. Dapatan kajian boleh dibuat perbandingan antara konstruk penyeliaan bagi kaunselor dalam latihan dengan kaunselor dalam perkhidmatan. Dapatan ini penting bagi pihak-pihak berkenaan dalam merangka keperluan penyeliaan dalam kalangan kaunselor sama ada dalam latihan ataupun dalam perkhidmatan.

Kajian ini menghasilkan suau set pernyataan tentang ciri-ciri penyeliaan praktikum GBKSR. Penyelidik telah menggunakan kaedah dalam kualitatif mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaannya. Walaupun kesahan dan kebolehpercayaan telah diperoleh, namun dicadangkan kajian lanjutan dijalankan untuk menguji ketepatannya. Hal ini boleh dilakukan secara sistematik menggunakan kaedah statistik. Ini bagi memantapkan lagi ciri-ciri penyeliaan GBKSR.

5.7 Rumusan

Kualiti penyeliaan GBKSR bergantung kepada penguasaan ilmu dan kemahiran dalam kalangan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR. Pemilihan kaedah dan tingkah laku

profesional semasa menyelia menjadi penentu kepada kualiti penyeliaan. Pensyarah-penyelia praktikum harus bijak memilih kaedah yang sesuai semasa menjalankan proses penyeliaan bagi menjamin input maksimum kepada yang diselia. Selain itu, bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia perlu selari dengan keperluan suasana penyeliaan dan siapa yang diselia serta apakah jenis masalah yang dibincangkan bersama klien.

Kajian ini adalah signifikan dalam menyediakan kajian empirikal untuk membantu pensyarah-penyelia dan pendidik kaunselor memahami ciri-ciri penting dalam proses penyeliaan praktikum GBKSR. Dapatan kajian menunjukkan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR di IPG mengamalkan tatacara proses penyeliaan yang sistematik dan terancang. Fokus penyeliaan adalah sesuai dan selaras dengan keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Kaedah-kaedah yang digunakan semasa menyelia didapati pelbagai dan selari dengan perkembangan semasa dan keperluan yang diselia. Dalam masa sama juga pensyarah-penyelia mempraktikkan amalan profesional semasa menyelia praktikum GBKSR.

Penghasilan matriks penyeliaan praktikum GBKSR menyumbang kepada ilmu penyeliaan kaunseling. Dapatan kajian ini diharapkan memberikan sumbangan ilmu yang bermakna kepada IPGM, program latihan dan kursus kepada pensyarah-penyelia sendiri dan pendidik kaunselor. Oleh itu beberapa cadangan telah dikemukakan kepada KPM, IPGM dan IPG kampus dan pensyarah-penyelia sendiri bagi membantu melahirkan pensyarah-penyelia praktikum yang berkesan. Di samping itu cadangan kajian lanjutan diutarakan agar kajian lanjutan dapat membantu melengkapkan dapatan kajian sedia ada. Seterusnya kajian ini

juga dapat dijadikan panduan kepada pensyarah-penyelia dalam menjalankan proses penyeliaan praktikum GBKSR dan seterusnya menjadi rujukan penyelidik-penyelidik yang berminat dalam bidang penyeliaan kaunseling pada masa-masa akan datang.